

Kekuatan Malaysia

MUKADIMAH

BERIKUT ialah petikan teks syarahan umum, Duta Khas Malaysia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu DATO' ABDULLAH AHMAD bertajuk: Tekanan Ekonomi Dalam Dasar Luar Mahathir yang disampaikan pada Rabu, 5 Mei, 1999 di Bilik Mesyuarat Majlis Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

SEPINTAS lalu ada baiknya diperbaharui ingatan tentang sejarah dasar luar negara kita. dari satu dasar yang hitam atau putih, demokrasi atau komunis di zaman Tunku Abdul Rahman, bertukar menjadi dasar luar yang berkecuali semasa pentadbiran Tun Razak di mana pemidato dikatakan oleh sesetengah pihak mempunyai pengaruh terbesar dalam penggubalan dasar.

Kepimpinan Datuk Hussein Onn tiada melahirkan inisiatif atau orientasi baru. Sebaliknya beliau telah membatalkan satu aspek dasar luar Razak yang di waktu itu tidak telus, terpendam dan rahsia.

Dasar luar Malaysia berubah besar apabila Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengambil alih tampuk pemerintahan negara daripada Hussein Onn Julai 1981.

Dasar 'Buy British Last' adalah satu pemisahan muk-tamad (*final break*) dengan warisan kolonial yang dominan dalam dasar luar Tunku.

Tun Razak melebarkan perhubungan diplomatik kita dengan negara-negara sosialis, negara berkecuali dan negara Islam.

Tun Razak dalam ucapan dasarnya yang pertama ketika mengambil alih kepimpinan daripada Tunku September 1970 tidak lagi menjadi Komanwel tiang seri dasar luar kita.

Dr. Mahathir telah melaksanakan dan memperhebatkan lagi wawasan Tun Razak dengan wawasannya yang tersendiri atau Mahathirisme.

Maruah diri

Tidak keterlaluan jika dikatakan andainya Tun Razak masih hidup beliau juga akan menjalankan dasar yang sama yang Dr. Mahathir lakukan sekarang sungguhpun dengan idiom dan stail berlainan.

Dasar luar kita penting. Pertama, negara kita bukan lagi satu negara yang "unknown quantity". Kini orang boleh berkata kita sebuah kuasa yang tahu maruah diri, satu bangsa yang ada jati diri (*self-worth*), *self-esteem* - yang mempunyai harga diri dan kehormatan.

Kedua, kita terkenal di mata dunia dan agak terkecuali (*exceptional*) bagi negara saiz kita; negara kita seolah *oasis* atau wadi, di seluruh rantau yang sedang bergolak tetapi yang amat berpotensi dari segi ekonomi, sumber manusia dan kekayaan alam. Apa yang kita lakukan dalam dasar luar kita ada impak kepada jiran kita bahkan wilayah rantau kita ini pun.

Tetapi keberkesanan dasar luar kita terletak besar kepada dasar ekonomi kita, berpijak kepada pencapaian ekonomi dan kemajuan rakyat kita. Dulu, kini dan bila-bila pun, ekonomi tidak boleh dipisahkan daripada politik dan diplomasi. Ekonomi, politik dan diplomasi berkait-kait; saling melilit.

Malaysia adalah antara sebilangan kecil bekas tanah jajahan yang berjaya melalui inisiatif dan bakat tersendiri mengubah landskap ekonomi dan sosial setelah ratusan tahun dijajah.

Satu kejayaan yang boleh dibangga dan diakui oleh kawan dan musuh. Satu negara contoh bagi negara-negara membangun yang saiznya lebih besar daripada kita dan lebih lama merdeka.

Kita boleh mencetuskan pertukaran pandangan orang terhadap kita dan sebaliknya. Tetapi kita juga harus

berwaspada, *realist* tentang kemampuan kita sebagai satu bangsa dan tentang hambatan (*limitation*) kita.

Ekonomi memberi kesan ke atas segala aspek kehidupan kini dan bagaimana kita melabur bagi masa muka dan terpenting bagaimana mengekalkan sokongan rakyat.

Bill Clinton, Presiden Amerika, terus popular dan berjaya walaupun dia berbohong dan didapati bersalah sungguhpun dia amat meminati seks kerana dia faham perlunya ekonomi sentiasa berkembang bagi kesejahteraan rakyat.

Pokoknya material mengatasi *morality*. Asas dasar luar kita dulu dan kini selain daripada memepereratkan perhubungan dengan ASEAN dan melaluinya pembentukan kerjasama serantau, memperkukuhkan kerjasama intra-rantau dan mempertingkatkan dan merapatkan lagi ikatan perhubungan dua hala. Kita kini ada sebanyak 111 perwakilan di semua peringkat di luar negara terdiri daripada 67 bertaraf kedutaan/pesuruhjaya dan perutusan tetap, 11 konsulat jeneral, 4 konsulat dan 29 konsulat kehormat.

Manakala terdapat 135 perwakilan asing bertaraf kedutaan, pesuruhjaya dan bertaraf lain termasuk perwakilan PBB di ibu negara kita.

Kuala Lumpur sekarang merupakan antara kota yang terbesar kalau tidak terbesar yang mempunyai perwakilan diplomatik di tenggara Asia.

Perhubungan ekonomi dan perdagangan antarabangsa dengan dasar luar adalah *fundamental* dan *crucial* bagi kemajuan dan potensi iktisad negara.

Kita terus memupuk bersama dengan negara-negara membangun menentang perkembangan segala bentuk *trade protectionism* dan *conditionalities* dalam pembangunan perdagangan dan pelaburan modal.

Kita mampu bertindak demikian kerana kita ada kewibawaan (*credibility*) akibat rekod pencapaian kita dalam negeri dan luar negara, ekonomi, dan kestabilan politik dan harmoni perhubungan kaum yang majmuk.

Kita aktif bekerjasama dalam gerakan Selatan-Selatan, satu kerjasama yang penting bagi survival negara-negara membangun bagi mengelakkan pengaruh tekanan negara-negara maju yang amat *overpowering* itu. Kalau tidak negara-negara Selatan - Selatan akan terus terpinggir.

Kita harus saling bergantung dan *self-supporting* secara serius dan jujur. Tanpa komitmen ini kita tidak bisa menjelma sebagai satu kuasa, kumpulan yang berwibawa dan dihormati dalam alaf baru. Kerana keinsafan ini, Mahathir muncul sebagai wira negara Selatan - Selatan dan melalui *The Summit Level Group of South - South Consultation And Cooperation* - satu kumpulan yang dikenali sebagai Group-15 atau G15 pada tahun 1990 dan dalam masa hampir satu dekad banyak telah tercapai tetapi lebih banyak lagi yang belum tersentuh.

Sebagai sebuah negara membangun walaupun kita dilanda krisis ekonomi, persepsi dunia ketiga terhadap kita tidak berubah bahkan terus meningkat kerana kita dapat membendung krisis ekonomi dan pencapaian yang terserlah melalui *Selective Exchange Controls* kerana itu pemilihan kita menduduki Majlis Keselamatan PBB pada kali ketiga dalam masa 41 tahun dengan undi terbesar telah mencatat sejarah baru. Kerana komitmen Mahathir kepada kerjasama Selatan - Selatan empat tahun, setahun sebelum krisis ekonomi melanda Asia, kerajaan telah membentuk *South Investment And Technology Data Exchange* (SITTDEC), Satu kemajuan bagi G15 untuk mendekatkan ahli-ahlinya dalam bidang perdagangan, pelaburan modal, teknologi dan aktiviti-aktiviti lain dalam sektor kewangan dan iktisad.

Di bawah SITTDEC Malaysia telah melaksanakan pelbagai rancangan. Lapan belas institusi kita termasuk UKM mengambil bahagian membantu dasar luar melalui latihan, pemberian biasiswa kepada pelajar-pelajar dari negara-negara membangun di bawah program sarjana dan Ph.D melalui Rancangan Malaysian Technical Cooperation Program (MTCP), lawatan-lawatan sambil belajar, menghantar pakar-pakar seperti seorang rakyat Malaysia menjadi Gabenor Bank Negara Namibia, mem-

sentiasa dicurigai

Awasi gerakan CIA dalam politik negara kita. Mereka telah banyak menumbang dan membentuk negara boneka

beri tempat kepada pegawai-pegawai negara Selatan menimba pengalaman, belajar dan membuat penyelidikan, memberi lima buah kereta bomba kepada Kampuchea dan membantu dalam pembangunan semula Bosnia.

Pelabur-pelabur swasta melabur di Guinea, di Ghana, di Kampuchea dan Afrika Selatan dan beberapa negara lain.

Pelaburan kita yang agak terbesar ialah di Afrika Selatan berjumlah AS\$3.8 bilion (RM14 bilion) mengikut Kementerian Kewangan Afrika Selatan; kita kini pelabur ketiga terbesar. Pertama, Amerika Syarikat dan kedua United Kingdom.

Sebelum Dr. Mahathir dasar luar kita tertumpu semata-mata kepada diplomasi. Dr. Mahathir pelopor dalam bidang dasar luar melalui ekonomi dan perdagangan seperti beliau menjadi perintis kepada masyarakat IT atau teknologi maklumat.

Di bawah Datuk Hussein kita melihat dasar luar kita bertahan sahaja - boleh disifatkan sebagai satu masa konsolidasi, masa Datuk Hussein bukan zaman inovasi.

Dasar luar Dr. Mahathir kontemporari, realis dan membayangkan personaliti, visi, dan persepsi serta pengalamannya.

Dr. Mahathir sungguhpun berpendidikan Inggeris zaman kolonial melihat Jepun sebagai inspirasinya. Tetapi kerana beliau pragmatik dan prihatin, dua tahun selepas mengecam Komanwel Malaysia pada tahun 1989 menjadi tuan rumah CHOGM yang mengikut Margaret Thatcher satu persidangan CHOGM yang tercemar dalam sejarah Komanwel yang pernah diadakan. Komanwel melalui CHOGM memberi peluang terbaik pelaksanaan dasar luar kita yang menitikberatkan perhubungan kita dengan negara-negara Selatan kerana dua pertiga dari negara-negara Komanwel terdiri daripada negara-negara membangun di Selatan.

Malaysia boleh menyifatkan dirinya sebagai kuasa 'pertengahan'. Kita agak aktif menyertai atau menganggotai badan-badan antarabangsa dan melalui badan-badan ini kita menjadi juara dan wira bagi pihak Selatan-Selatan menentang negara-negara maju atau kumpulan utara yang 'cakup tidak serupa bikin'; mereka mengamalkan 'double standard' dan 'double speak' terutama Amerika Syarikat yang ada satu dasar bagi negara-negara sekutunya dan satu dasar lagi bagi negara-negara lantang seperti kita. Di PBB kita amat aktif dan cergas dalam agensi-agensinya seperti UNESCO. Kita mahu penyusunan semula Majlis Keselamatan yang cukup berkuasa itu bagi mencerminkan realpolitik dan realekonomik masa kini.

Dasar luar Mahathir fleksibel. Kita menentang Amerika mengebom Sudan dan Afghanistan tetapi kita menyokong NATO menyerang Yugoslavia, menyokong NATO di Bosnia dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), IMF dan Bank Dunia.

Negara membangun kagum dengan keberanian kita.

Kita menolak bantuan IMF dan masih hidup terus tanpa meminta sedekah seperti negara yang menerima bantuan IMF. Kata orang negara-negara yang menerima bantuan IMF tidak ubah seperti sudah jatuh ditimpa tangga pula.

Islam selain dari ekonomi terserlah secara hebat di bawah kepimpinan Mahathir kerana Mahathir mahu muncunya kebangkitan tamadun Islam yang sederhana bukan ekstrim atau melampau. Kita menyokong pembentukan sebuah negara Palestin dan menentang Zionisme.

Kita tidak memilih agama apabila kekejaman berlaku seperti di Afrika Selatan dan Kemboja. Kita memperjuangkan dan membela mangsa sekeras-kerasnya bagi menegakkan hak rakyat Islam di Bosnia dan di Kosovo. Kita menerima Pakatan Pertahanan Lima Negara antara kita, Singapura, Australia, New Zealand dan Britain. Kita juga sedar Amerika penting kepada kita kerana Amerika adalah sebuah negara terpenting bagi perdagangan dan eksport kita walaupun kita kritik Washington dari satu masa ke satu masa.

Hubungan kita dengan Indonesia begitu juga dengan Brunei, Thailand, Filipina dan anggota-anggota lain ASEAN rapat.

Hubungan kita dengan Singapura *substantial*. Kadangkala tegang. Keseluruhannya kita dengan Singapura bersaing, bekerjasama walaupun tidak semesra mungkin. Pertalian dengan London baik sungguhpun tidak serapat dengan zaman Margaret Thatcher. Komen-komen media British dan menteri luarnya tidak memberi sumbangan untuk mengeratkan terjalinnya satu ikatan yang hampir dan intim. Australia dengan kita tidak buruk tetapi tidak baik seperti yang kita harapkan.

Canberra suka jaga tepi kain orang, kadangkala suka berlagak sebagai suatu kuasa besar. Australia ada krisis identiti dan sejarah negara itu tidak *distinguished*.

Komponen terpenting

Intelligence adalah satu komponen terpenting dalam dasar luar. Seperti kata Richard Helms, Ketua Pengarah CIA di zaman pentadbiran Presiden Lyndon Johnson dan Richard Nixon: "*Intelligence's mission is to save our skin*". Mereka tidak mahu sejarah Pearl Harbour berulang. Awasi gerakan CIA dalam politik negara kita. Mereka telah banyak menumbang dan membentuk negara boneka.

Pemidato ingin menegaskan di sini bahawa Malaysia dan Singapura bukan '*bogeyman*' kepada kedua-dua pihak. Singapura dan kita tetap bersaing dalam konteks untuk kebaikan rakyat masing-masing.

Singapura selalu berwaspada apakala mereka melihat perhubungan kita dengan mereka terganggu. Sifat berjaga-jaga ini wajar bagi semua negara apalagi kalau mereka mempunyai perasaan '*seiged mentality*'.

Singapura membelanjakan 5 peratus daripada *Gross Domestic Product* (GDP) untuk pertahanan. Yakni, 7.2 bilion dolar Singapura atau 2.6 bilion pound sterling bagi pertahanan manakala kita membelanja RM8.73 bilion atau 1.4 bilion pound sterling bagi pertahanan.

Kemampuan Singapura membolehkannya membuat apa saja bagi keselamatan tiga juta penduduknya yang majoritinya Cina. Kini Singapura memberi kemudahan kepada angkatan tentera laut Amerika di Pasifik yang kehilangan Subic Bay di Filipina.

Singapura tidak campur tangan dalam politik negara ahli ASEAN, tidak seperti si *busybody* di Manila. Nam-paknya, Manila yang ditadbirkan oleh seorang bekas aktor lebih mementingkan soal individu daripada kepentingan dua hala antara Malaysia-Filipina. Tidak perlu lagi suluh kerana sudah terang.

Amerika dan Barat akan cuba menjadikan negara-negara membangun menyerupai imejnya dalam alaf baru, membantu pihak Islam yang dianggap anak emasnya atau negara-negara yang membenarkan negara mereka menjadi replika Amerika Syarikat dan pemimpin-pemimpinnya 'pak turut' *Uncle Sam*.

Kita tidak harus reaktif tetapi pertingkatkan kegiatan proaktif dasar luar kita.